

Agamawan perlu dalami psikologi dakwah dan komunikasi digital



Pensyarah Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun & Falsafah, Universiti Utara Malaysia

Oleh Prof Madya Dr Muhamad Amar Mahmad

Media sosial ternyata menjadi salah satu cara masyarakat belajar dan memahami agama secara luar biasa. Jika dahulu seseorang perlu hadir ke masjid, surau, pondok, madrasah atau institusi pengajian untuk mengikuti kuliah agama tetapi hari ini ilmu berada di hujung jari. TikTok, Facebook, Instagram, YouTube dan podcast menjadi 'madrasah digital' beroperasi tanpa sempadan masa dan geografi. Satu kuliah dahulu hanya didengar ratusan jemaah kini boleh ditonton jutaan manusia.

Namun, di sebalik keterbukaan ini, muncul persoalan jauh lebih mendasar. Apabila semua orang boleh bercakap isu agama, siapakah sebenarnya berkuasa untuk menjelaskan agama. Persoalan ini semakin penting kerana media sosial bukan sahaja mendemokrasi kan penyampaian ilmu, malah dalam keadaan tertentu turut mengaburkan sempadan antara orang benar-benar menguasai sesuatu disiplin dengan mereka sekadar mempunyai kemampuan komunikasi dan pengaruh digital.

Dalam ruang maya, seorang ilmuwan yang menghabiskan puluhan tahun mendalami fiqh mungkin mempunyai beberapa ribu pengikut, sedangkan seseorang baru dikenali kerana beberapa video agama boleh mempunyai jutaan pengikut. Lalu tanpa disedari, ukuran autoriti mula beralih daripada kedalaman ilmu kepada keluasan pengaruh. Di sinilah perlu dibezakan antara pendemokrasi an dakwah dengan pendemokrasi an kuasa agama. Islam menggalakkan umatnya menyampaikan kebaikan. Sabda Rasulullah SAW bermaksud: 'Sampaikanlah daripada kami walaupun satu ayat' sebagaimana diriwayatkan al-Bukhari menunjukkan dakwah bukan monopoli kelompok tertentu.

Namun, menyampaikan kebaikan tidak sama dengan mengeluarkan hukum. Mengajak orang bersolat tidak sama dengan membahaskan persoalan sah atau batal ibadah yang mempunyai perincian fiqh. Berkongsi hadis sahih mengenai akhlak tidak sama dengan melakukan tarjih antara riwayat atau mengeluarkan kesimpulan hukum daripadanya.

Sebab itulah al-Quran meletakkan prinsip jelas: "Maka beritanyalah kepada orang yang mempunyai pengetahuan jika kamu tidak mengetahui". (Surah al-Nahl, ayat 43).

Ayat ini bukan sekadar anjuran hertanya, bahkan membentuk asas penting dalam epistemologi Islam

bahawa ilmu mempunyai bidang, disiplin dan ahlinya.

Dalam tradisi keilmuan Islam, hujah dinilai berdasarkan dalil, metodologi, ketepatan istidlal dan kompetensi orang membicarakannya, bukan berdasarkan bilangan manusia menekan butang 'like'.

Masalah ini mempunyai dimensi baharu yang tidak pernah dihadapi generasi ulama terdahulu, iaitu kuasa algoritma. Algoritma media sosial tidak mengetahui siapa alim dan siapa jahil. Ia tidak memahami usul fiqh, maqasid syariah atau ilmu hadis.

Algoritma hanya membaca tingkah laku manusia seperti apa membuatkan seseorang berhenti menatap, menonton lebih lama, memberikan komen, berkongsi atau kembali kepada sesuatu kandungan.

Apabila tuntutan algoritma mula menentukan bagaimana agama dipersembahkan, perkara kompleks dipersembahkan secara berlebihan, khilaf ulama boleh digambarkan seolah-olah hanya mempunyai satu jawapan, hadis boleh dipetik tanpa penjelasan status dan ayat al-Quran pula boleh dipisahkan daripada konteksnya.

Akhirnya lahir fenomena 'agama potongan pendek', satu kefahaman agama dibina melalui serpihan

video berdurasi 30 saat atau seminit tanpa kerangka ilmu lengkap.

Dalam keadaan ini, kepantasan menghasilkan kandungan mula mengatasi ketelitian menghasilkan ilmu. Fenomena ini turut melahirkan budaya 'semua perkara mesti dijawab'. Apabila isu baharu muncul pada waktu pagi, masyarakat menunggu pandangan agamawan sebelum tengah hari.

Ilmu memerlukan masa untuk semakan

Apabila kontroversi berlaku, pencipta kandungan berlumba-lumba menjadi antara orang terawal memberikan komentar. Namun, dalam tradisi ilmu, siapa paling cepat menjawab tidak semestinya paling tepat. Ilmu memerlukan masa untuk semakan, penelitian sumber, pemahaman konteks dan pertimbangan terhadap implikasi sesuatu kenyataan.

Lebih membimbangkan apabila budaya segera ini memasuki wilayah dalaman dan hari. Masalah SWT memberikan peringatan: "Dan jangan kamu mengatakan terhadap apa yang disebut-sebut oleh lidahmu secara dusta: 'Ini halal dan ini haram', untuk mengada-adakan kebohongan terhadap Allah". (Surah al-Nahl, ayat 116)

Cabaran lain ialah bagaimana media sosial menguruskan perbe-

zaan pandangan atau khilaf. Khilaf tidak semestinya menunjukkan kelemahan agama sebaliknya dalam banyak keadaan memperlihatkan keluasan tradisi intelektual Islam. Malangnya, apabila perbincangan ini memasuki media sosial, nuansa ini mudah hilang.

Akhirnya kita berhadapan satu paradoks menyedihkan. Semakin banyak kandungan agama dihasilkan, semakin banyak pula pertelingkahan atas nama agama. Dakwah yang sepatutnya membawa manusia mendekat Allah akhirnya menjadi bahan perbalahan menjauhkan hati sesama Muslim.

Namun, tidak adil jika fenomena ini menyedihkan semua pendakwah dan pempengaruh agama di media sosial dipandang negatif. Ramai pendakwah muda mempunyai latar pendidikan yang baik, melakukan penyelidikan sebelum menghasilkan kandungan dan berjaya menyampaikan ilmu dalam bahasa dekat dengan generasi muda.

Bahkan kemampuan mereka memahami budaya digital adalah kekuatan kadangkala tidak dimiliki institusi agama tradisional. Persoalannya bukan sama ada seseorang itu 'ustaz media sosial' atau 'ustaz masjid'. Persoalan sebenar ialah apakah kompetensi dan apakah sumbarnya terhadap ilmu disampaikan.

Pada masa sama, masyarakat tidak boleh melepaskan tanggungjawab sepenuhnya kepada pendakwah. Kita memerlukan literasi agama digital lebih matang. Firman Allah SWT dalam Surah al-Hujurat ayat 6 mengenai kewajipan tabayyun sangat relevan dalam konteks ini.

Jika tabayyun dahulunya dikaitkan dengan berita diterima, hari ini prinsip itu perlu diaplikasikan ketika menerima kandungan agama. Siapa yang bercakap, apakah kelayakannya dan dari mana sumbernya.

Masyarakat perlu memahami satu prinsip bukan tetapi ponting iaitu viral bukan dalil, populariti bukan autoriti dan jumlah pengikut bukan benar keilmuan. Sikap kritis bukan bermaksud moragui semua agamawan, tetapi sebahagian daripadanya komatangan menerima ilmu.

Jika masyarakat berada di TikTok, ilmuwan perlu memahami TikTok. Jika generasi muda mencari jawapan melalui YouTube dan podcast, institusi agama perlu hadir dengan kandungan berkualiti di situ.

Ini bukan bermaksud agama perlu tunduk kepada algoritma sebaliknya ia perlu dimanfaatkan untuk membawa manusia kepada ilmu yang benar. Kita memerlukan ilmuwan mampu memahami kitab dan teknologi, menguasai turath dan komunikasi digital, memahami fiqh serta psikologi generasi baharu.

“Menyampaikan kebaikan tidak sama dengan mengeluarkan hukum. Mengajak orang bersolat tidak sama dengan membahaskan persoalan sah atau batal ibadah yang mempunyai perincian fiqh. Berkongsi hadis sahih mengenai akhlak tidak sama dengan melakukan tarjih antara riwayat atau mengeluarkan kesimpulan hukum daripadanya”

